


LIVEWORKSHEETS

SET 3

MODEL

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

## Tingkatan 2

## Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

| | |
|---|---|
| **Nama** | |
| **No. Kad Pengenalan** | |
| **Kelas** | |

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1 – 15** | 15 | |
| **B** | **1** | 2 | |
| | **2** | 2 | |
| | **3** | 4 | |
| | **4** | 2 | |
| | **5** | 10 | |
| | **6** | 10 | |
| **C** | **1** | 15 | |
| **Jumlah** | | **60** | |

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Arahan:** *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

## BAHAGIAN A

[15 *markah*]

**Soalan 1 – 2**

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai.**

**1** Peniaga kuih baulu itu __________ menggunakan cara tradisional untuk membakar kuih baulu agar keaslian rasanya tidak hilang.

**A** masih
**B** belum
**C** pernah
**D** sedang

**2** Para pejuang terdahulu berjuang __________ untuk menghalang penguasaan penjajah ke atas Tanah Melayu.

**A** terus-terusan
**B** mati-matian
**C** besar-besaran
**D** kenang-kenangan

**Soalan 3 – 4**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan* **perkataan berhuruf condong** *dengan betulnya.*

**3** I Hujan *berat* menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah.
II Dia mengakui rutin latihan sebagai atlet profesional memang *berat.*
III Makanan *berat* lebih mengenyangkan daripada makanan ringan.
IV Bahunya berasa sakit kerana menggalas beg sandang yang *berat* itu.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

**4** I Pihak kontraktor akan *membina* sebuah perpustakaan di kampung itu.
II Cikgu Noraini memberikan teguran yang *membina* kepada murid-muridnya.
III Generasi muda mesti mendalami pelbagai cabang ilmu untuk *membina* sebuah negara maju pada masa depan.
IV Perasaan sedihnya sudah *membina* setelah dia bercuti dan menenangkan diri di pantai peranginan minggu lalu.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja



LIVEWORKSHEETS

**Soalan 5 – 6**

*Bahagian yang* **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.

*Tandakan sama ada* **A**, **B**, *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

**5** Cita-cita Aidil ialah untuk menjadi usahawan yang berjaya apabila dewasa nanti.

**A** adalah untuk menjadi
**B** adalah bagi menjadi
**C** ialah untuk menjadikan
**D** ialah untuk menjadi

**6** Petani itu sudah bukan menggunakan baja kimia sebaliknya menggunakan baja organik untuk membaja tanamannya.

**A** sudah bukan penggunaan
**B** sudah tidak menggunakan
**C** pernah tidak menggunakan
**D** sudah bukan menggunakan

**Soalan 7 – 8**

*Pilih ayat-ayat yang* **betul**.

**7** I Kakak akan menyertai kelas jahit-menjahit pada hujung minggu ini.
II Emak memasukkan setengah sudu gula perang ke dalam masakan itu.
III Para pengunjung kagum melihat lukisan paling indah nian di pameran itu.
IV Lukman deklamasikan sajaknya dengan penuh semangat di hadapan kelas.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

**8** I Laporan aktiviti lawatan ke Melaka telah disiapkan oleh saya semalam.
II Sekalian orang tetamu dalam majlis itu terdiri (相) daripada orang kenamaan.
III Sewajarnya, perkara ini diselesaikan (solve) secara baik antara kedua-dua belah pihak.
IV Tiap-tiap pemimpin harus menjalankan tanggungjawab dengan baiknya kepada rakyat.
进行 责任

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

antara 在....中间 / 其中 / → antara saya dan kakak, siapa lebih tinggi?

di antara 在...之间 (有位置)
↳ Saya duduk di antara Ali dan Abu.

sekalian 全部
guru-guru sekalian (✓)
murid-murid sekalian (✓)
guru sekalian (×)



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Soalan 9**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang* **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

**9 Orang ramai dilarang melakukan aktiviti mandi-manda di kawasan air terjun pada musim tengkujuh.**

**A** Orang ramai mematuhi larangan aktiviti mandi-manda di kawasan air terjun pada musim tengkujuh.

**B** Larangan aktiviti mandi-manda di kawasan air terjun pada musim tengkujuh dilakukan oleh orang ramai.

**C** Pada musim tengkujuh, orang ramai tidak dibenarkan melakukan aktiviti mandi-manda di kawasan air terjun.

**D** Orang ramai yang mandi-manda di kawasan air terjun dilarang melakukan aktiviti tersebut pada musim tengkujuh.

**Soalan 10**

*Pilih* **peribahasa** *yang paling* **sesuai**.

**10** Abang sulung Afifah sudi mendermakan satu buah pinggangnya kepada ibu mereka agar ibu mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Kemurnian hati abang Afifah itu mendapat liputan daripada media massa.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah

**A** kasih ibu membawa ke syurga.

**B** ajal dan maut di tangan Tuhan.

**C** kita harus memberi dan menerima.

**D** kehidupan memerlukan pengorbanan.



LIVEWORKSHEETS CamScanner

**Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.**

*Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

"Jangan pandang rendah bidang ini, Alif. Bidang pertanian cukup menjanjikan. Awak dah ada modal … petak bendang itulah modalnya. Kita tidak perlu beli beras dari luar kalau kita serius usahakan tanah sendiri. Sekarang kita beli beras dari Thailand … kalau negara itu berdepan dengan krisis misalnya banjir atau kemarau dan hasilnya terjejas, kita nak bergantung pada siapa pula?

"Bayangkan pula kalau nilai ringgit jatuh dan bath melambung, tentu teruk kita *menanggung kos* mengimport beras."

Pernyataan sekali gus kata-kata motivasi daripada mulut pegawai pertanian separuh usia itu dalam menukik ke hati Alif. Dan patah kalimah pegawai yang berpengalaman itu yang seterusnya membuatkan dia berasa tambah seru dan bersemangat.

"Orang berdarah muda seperti kamulah yang patut ambil bahagian kerana masa depan negara di tangan kamu …"

Jelas dalam mindanya akan petak-petak sawah berbuah emas di Seberang Perak yang pernah dikunjunginya dalam usaha mengumpul pengalaman dan maklumat. Betapa perasaan bangga menusuk hati ketika menggenggam buah padi keemasan itu. Waktu menghidu harum wangi padi yang baru dituai, ingatannya melayang kepada abah. Kenangan dia membantu abah menuai pada waktu kecil-kecil dahulu masih rahap dalam ingatan. Abah, anak abah ini akan kembali menyambung tugas abah tetapi dengan kaedah yang lebih canggih dan terancang.

Dipetik daripada cerpen 'Menuai Emas'
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

**11** Berdasarkan petikan, rangkai kata *menanggung kos* membawa maksud

A memikul beban.
B menggalas amanah.
C menyara tanggungan.
D membiayai perbelanjaan.

**12**

| |
|---|
| Orang berdarah muda seperti kamulah yang patut ambil bahagian kerana masa depan negara di tangan kamu … |

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan penyataan di atas.

A Bersekutu bertambah mutu
B Muafakat membawa berkat
C Kepimpinan melalui teladan
D Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara

© Sasbadi Sdn. Bhd. 198501006847

LIVEWORKSHEETS CamScanner

13 Abah, anak abah ini akan kembali menyambung tugas abah tetapi dengan kaedah yang lebih canggih dan terancang.

Berdasarkan penyataan di atas, apakah perwatakan Alif yang paling tepat?

A Baik hati
B Penyayang
C Berwawasan tinggi
D Berpendidikan tinggi

14 Mengapakah pegawai pertanian menasihati Alif supaya tidak memandang rendah terhadap bidang pertanian?

A Bidang pertanian tidak memerlukan modal.
B Bidang pertanian merupakan warisan nenek moyang.
C Bidang pertanian memberikan jaminan pada masa depan.
D Bidang pertanian dapat meningkatkan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

15 Yang berikut merupakan penyataan yang benar berdasarkan petikan, **kecuali**

A negara kita mengimport beras dari Thailand.
B Alif mengusahakan petak sawah di Seberang Perak.
C Generasi muda merupakan penentu masa depan negara.
D Alif pernah membantu ayahnya menuai padi pada waktu kecil.



CamScanner LIVEWORKSHEETS